

08 SEP 1997

Law-Hutan

PEMBANGUNAN TERKAWAL TIDAK JEJAS HIDUPAN LIAR

MELAKA, 8 Sept (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan berusaha memastikan pembangunan yang membabitkan kawasan hutan tidak menjejaskan kehidupan liar, kata menterianya, Datuk Law Hieng Ding.

Beliau berkata adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan pembangunan yang dilakukan itu tidak memusnahkan kehidupan liar.

"Malaysia merupakan antara negara terawal yang memberikan penekanan terhadap perlunya mengekalkan kehijauan bumi termasuk spesis hidupan liar," katanya pada perasmian Persidangan Antarabangsa Mengenai Spesis Burung Galliformes di sini hari ini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perhilitan, Musa Nordin. Persidangan tiga hari itu dihadiri 150 peserta dari 22 negara, termasuk Amerika Syarikat, Kanada, Rusia, Australia, Portugal, Belanda, Jerman dan Perancis.

Sebagai langkah untuk mengekalkan kehijauan bumi, Law berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan supaya sebanyak 50 peratus kawasan hutan tropika dikekalkan di negara ini.

Beliau berkata walaupun hanya enam peratus hutan hujan tropika yang meliputi bumi tetapi ia merupakan habitat kepada hampir separuh spesis hidupan.

Beliau juga berkata usaha menambahkan kawasan-kawasan hutan simpan juga semakin giat dijalankan.

Di Sarawak, kerajaan negeri itu telah mengemukakan cadangan untuk menambah keluasan hutan simpan mereka daripada empat juta hektar kepada tujuh juta hektar, katanya.

Dalam masa yang sama juga sebanyak enam buah Taman Negara telah diwujudkan di Sarawak yang membabitkan kawasan seluas 78,000 hektar dan tiga kawasan perlindungan hidupan liar membabitkan keluasan 174,693 hektar, kata beliau. -- BERNAMA

MYD AKD